

بَابُ قِصَّةِ غَزْوَةِ بَدْرٍ

pernah disabdakan oleh Rasulullah s.a.w. lama sebelum berlakunya peristiwa perang Badar, bahawa "Mereka akan membunuhmu." Sementara anaknya `Ali, dikatakan telah dibunuh oleh `Ammar bin Yaasir. **Antara pengajaran, panduan dan pedoman** yang terdapat di dalam hadits 3950 di atas ialah: (1) Hadits 3950 di atas mengandungi salah satu mu`jizat Nabi s.a.w. yang sangat nyata. Ramalan Baginda lama sebelum berlakunya perang Badar, bahawa Umaiyyah akan mati terbunuh menjadi kenyataan apabila ia terbunuh di tangan para sahabat. (2) Kekuatan iman Sa`ad dan keberaniannya dalam mempertahankan `aqidah. (3) Ibadat `umrah telah lama dilakukan oleh para sahabat atas kebenaran Nabi s.a.w. Mereka telah melakukan `umrah beberapa kali sebelum Baginda s.a.w. sendiri berangkat pada tahun ke enam untuk mengerjakannya. Berbeza dengan haji, kerana kebanyakan mereka baru mengerjakannya bersama Nabi s.a.w. pada tahun ke sepuluh hijrah. (4) Orang-orang Islam tidak dilarang berkawan dengan orang-orang kafir yang boleh dipercayai dan tidak bermusuhan dengan mereka. (5) Orang-orang Islam boleh singgah di rumah bukan Islam dan bermesra dengan mereka, malah boleh menginap di rumah kawan-kawan mereka yang bukan Islam itu jika perlu. Begitu juga Islam tidak melarang penganutnya mengadakan hubungan persahabatan dengan orang-orang kafir dan menumpangkan mereka di rumahnya jika perlu. Perhubungan seperti itu telah berlaku semenjak zaman Nabi s.a.w. lagi. (6) Seseorang kafir yang bersikap kasar terhadap orang tertentu, tidak semestinya ia juga bersikap begitu terhadap semua orang Islam. (7) Tanah suci Mekah tetap menjadi tempat ibadat umat Islam, walaupun ketika ia berada di bawah kekuasaan orang-orang kafir. (8) Ka`bah juga tetap dithawaf oleh umat Islam dan dijadikan qiblat oleh mereka, meskipun ketika ia berada di bawah kekuasaan orang-orang kafir. (9) Untuk berthawaf di Baitillah, seseorang boleh mencari dan menunggu masa yang sesuai. Seperti pada ketika kurang sibuk atau pada ketika agak sepi. (10) Manusia selalunya menganggap orang-orang yang tidak sehaluan dengannya sebagai terpesong atau sesat. Walaupun pada hakikatnya dia sendirilah yang terpesong dan sesat. (11) Keharusan berkasar dengan seseorang yang bersikap kasar terhadap kita. (12) Keharusan bertindak balas terhadap ancaman yang diberikan seseorang dengan mengancamnya kembali. (13) Memang diketahui umum bahawa orang-orang Anshar di Madinah adalah pembela dan pendukung setia Rasulullah s.a.w. (14) Sikap kasar dan biadab Abu Jahal, salah seorang ketua orang-orang kafir Quraisy Mekah terhadap orang-orang Islam dapat dilihat dengan jelas di dalam hadits di atas. (15) Sifat pengecut Umaiyyah juga terserlah dengan nyata di dalamnya. (16) Penggunaan nama panggilan (كنية) bermula dengan Abu, Ummu dan lain-lain adalah sesuatu yang umum di kalangan orang-orang `Arab, tidak kira sama ada ia muslim atau bukan muslim. (17) Nama Madinah sebelum Nabi s.a.w. berhijrah ke sana adalah Yatsrib. Nama Madinah itu baru dipopularkan oleh Nabi s.a.w. setelah Baginda berhijrah ke sana. Namun di kalangan masyarakat `Arab bukan Islam, ia tetap dikenali dan disebut sebagai Yatsrib. Penduduk Yatsrib dipanggil mereka Yatsribi.

وَقَوْلِ اللَّهِ تَعَالَى: وَلَقَدْ نَصَرَكُمُ اللَّهُ بِبَدْرٍ وَأَنْتُمْ أَذِلَّةٌ فَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٢٧﴾ إِذْ تَقُولُ لِلْمُؤْمِنِينَ أَلَنْ يَكْفِيَكُمْ أَنْ

يُمَدِّدَ كُمْ رَبُّكُمْ بِثَلَاثَةِ آفَافٍ مِنَ الْمَلَائِكَةِ مُزِيلِينَ ﴿١٢٨﴾ بَلَىٰ إِنْ تَصْبِرُوا وَتَتَّقُوا وَيَأْتُوكُم مِّن فَوْرِهِمْ هَذَا يُمْدِدْكُمْ رَبُّكُمْ

بِخَمْسَةِ آفَافٍ مِنَ الْمَلَائِكَةِ مُسَوِّمِينَ ﴿١٢٩﴾ وَمَا جَعَلَ اللَّهُ إِلَّا بَشْرًا لَّكُمْ وَلِتَطْمَئِنَّ قُلُوبُكُم بِهِ ۖ وَمَا النَّصْرُ إِلَّا مِنْ عِندِ

اللَّهِ الْعَزِيزِ الْحَكِيمِ ﴿١٣٠﴾ لِيَقْطَعَ طَرَفًا مِّنَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَوْ يَكْبِتَهُمْ فَيَنْقَلِبُوا خَائِبِينَ ﴿١٣١﴾

وَقَالَ وَحُشِي قَتْلَ حَمْرَةَ طُعَيْمَةَ بْنِ عَدِيٍّ بْنِ الْخَيْارِ يَوْمَ بَدْرٍ. وَقَوْلُهُ تَعَالَى: وَإِذْ يَعِدُكُمُ اللَّهُ إِحْدَى الطَّائِفَتَيْنِ أَنَّهَا لَكُمْ وَتَوَدُّونَ أَنَّ غَيْرَ

ذَاتِ الشَّوْكَةِ تَكُونُ لَكُمْ أَلَايَةَ الشَّوْكَةِ الْحَدُّ

3 – Bab : Kisah Peperangan Badar¹⁹ Dan Firman Allah (Bermaksud): Dan sesungguhnya Allah telah menolong kamu mencapai kemenangan dalam peperangan Badar,

¹⁹ Bermula dari sinilah Imam Bukhari sebenarnya baru memulakan kisah peperangan Badar. Para 'ulama' berbeda pendapat tentang punca ia dinamakan Badar. Ada yang mengatakan kerana di situ terdapat sebuah telaga yang digali oleh seorang yang bernama Badar bin al-Haarits bin Makhlad bin a-Nadhr bin Kinaanah. Ada yang mengatakan kerana ada sebuah telaga di situ yang bulat seperti bulan purnama. Ada pula yang mengatakan kerana airnya sangat jernih. Bayang bulan purnama (بدر) akan kelihatan dengan jelas di dalamnya. Biar apa pun sebab ia dinamakan begitu, tidak terlalu penting. Apa yang pentingnya ialah ia adalah nama suatu kawasan yang terletak sejauh kira-kira 80 batu dari Madinah. Di situlah telah berlaku satu peperangan yang hebat di antara orang-orang Islam dan orang-orang kafir Mekah. Peperangan telah berlaku pada bulan Ramadhan tahun kedua hijrah. Sesetengah 'ulama' menyebutkan tarikhnya dengan lebih tepat lagi, iaitu pada hari Juma'at 17 Ramadhan tahun kedua hijrah. Dalam peperangan itu 70 orang ketua kafir Quraisy telah terbunuh dan 70 yang lain pula ditawan. Akibatnya patahlah tulang belakang orang-orang kafir Quraisy dan terbukti benarlah firman Allah di bawah ini:

أُذِنَ لِلَّذِينَ يُقْتَلُونَ بِأَنَّهُمْ ظَلَمُوا وَإِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ نَصْرِهِمْ لَقَدِيرٌ ﴿١٣٢﴾

Bermaksud: diizinkan berperang bagi orang-orang (Islam) yang diperangi (oleh golongan penceroboh), kerana sesungguhnya mereka telah dianiaya; dan Sesungguhnya Allah amat berkuasa untuk menolong mereka (mencapai kemenangan). (al-Hajj: 39).

Setelah mengadakan "Bab Peperangan Badar", Imam Bukhari mengemukakan beberapa ayat al-Qur'an. Mengemukakan ayat-ayat al-Qur'an di dalam tajuk bab merupakan salah satu metodologi Imam Bukhari di dalam Kitab Sahihnya ini. Antara tujuannya ialah: (1) Menyatakan perkaitan ayat-ayat itu dengan tajuk bab yang dibuatnya. (2) Jika ada ayat al-Qur'an berhubung dengan sesuatu perkara yang dibicarakan, ayat itulah sepatutnya diutamakan dan dijadikan sebagai dalil yang mu'tamad. (3) Ayat-ayat dan hadits-hadits yang dikemukakan di bawah sesuatu bab

sedang kamu berkeadaan lemah (kerana sedikit bilangan dan kekurangan alat perang). Oleh itu bertaqwalah kamu kepada Allah, supaya kamu bersyukur (akan kemenangan itu). (123). (Ingatlah wahai Muhammad) ketika engkau berkata kepada orang-orang yang beriman (untuk menguatkan semangat mereka): "Tidakkah cukup bagi kamu, bahawa Allah membantu kamu dengan tiga ribu tentera dari malaikat yang diturunkan (dari langit)?," (124).²⁰ Bahkan (mencukupi. Dalam pada itu) jika kamu bersabar dan bertaqwa, dan

seharusnya dianggap saling menerangkan dan menguatkan satu sama lain. (4) Perincian yang terdapat di dalam hadits sebenarnya berpunca daripada ayat-ayat yang berkenaan. (5) Mengingatkan umat kepada rujukan utama mereka dalam segala perkara. Ia tidak lain dan tidak bukan adalah al-Qur'an al-Karim.

²⁰ Ayat 124 ini adakah berkait dengan ayat 123 sebelumnya atau ia berkait dengan ayat 121 Surah Aali 'Imraan berikut:

وَإِذْ غَدَوْتَ مِنْ أَهْلِكَ تُبَوِّئُ الْمُؤْمِنِينَ مَقْعِدَ لِلْقِتَالِ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٢١﴾

Bermaksud: Dan (ingatlah wahai Muhammad), ketika engkau keluar pada pagi hari dari rumah ahlimu (isterimu di Madinah), dengan tujuan menempatkan orang-orang yang beriman pada tempat masing-masing untuk berperang (di medan perang Uhud). Dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui. (Aali 'Imraan: 121). Para 'ulama' berbeda pendapat tentangnya. 'Ikrimah dan segolongan tokoh tafsir berpendapat ia berkait dengan ayat 121 Aali 'Imraan ini. Maka dengan sendirinya bererti ayat 124 adalah berkait dengan peristiwa peperangan Uhud, bukan peristiwa peperangan Badar. Tetapi jumhur 'ulama', termasuk Imam Bukhari berpendapat, ayat 124 adalah berkait dengan ayat 123 sebelumnya. Ini bererti golongan ini berpendapat ia berkaitan dengan peristiwa peperangan Badar. Tindakan Bukhari meletakkan kesemua ayat-ayat itu di bawah bab peperangan Badar menunjukkan beliau lebih bersetuju dengan pendapat jumhur 'ulama' dan itulah pendapat yang dipilihnya. Antara dalil yang dipegang oleh jumhur 'ulama' dalam perkara ini ialah riwayat Ibnu Abi Haatim. Beliau meriwayatkannya daripada Sya'bi dengan sanad yang sahih bahawa: "Pada hari Badar orang-orang Islam mendapat tahu bahawa Kurz bin Jaabir akan menolong orang-orang musyrikin dengan senjata dan bala tenteranya. Maka orang-orang Islam berasa sangat susah hati mendengar berita itu. Kerananya Allah menurunkan ayat 124 dan ayat-ayat seterusnya itu." Riwayat ini jelas menunjukkan ia berkait dengan peristiwa peperangan Badar. **Walaupun berdasarkan dalil-dalil al-Qur'an dan al-hadits**, para malaikat telah turun dalam peristiwa peperangan Badar, Uhud dan Hunain, namun perbezaannya ialah dalam peperangan Badar para malaikat itu turut berperang bersama-sama orang-orang Islam dalam menentang orang-orang musyrikin. Dalam peperangan Hunain, turun mereka hanya untuk membawa kebaikan dan keberkatan sahaja. Dan dalam peperangan Uhud pula mereka tidak turut berperang. Apa yang dilakukan oleh mereka hanyalah menjaga Rasulullah s.a.w. daripada serangan musuh yang bertalu-talu. Oleh kerana penurunan malaikat dalam peperangan Badar berbeza daripada yang lain-lain, di mana mereka diturunkan oleh Allah untuk menolong orang-orang mu'minin dengan terlibat sama dalam memerangi orang-orang